



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

# **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 43 / 2020**

## **UNDI POS UNTUK PENGUNDI LUAR KAWASAN (PLK)**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengambil maklum saranan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Global Bersih melalui kenyataan media pada 5 Ogos 2020 supaya SPR memberi kemudahan undi pos kepada Pengundi Luar Kawasan (PLK) bagi pelaksanaan pilihan raya umum Dewan Undangan bagi Negeri Sabah ke-16.
2. Buat masa ini, SPR tidak bercadang untuk memberi kemudahan undi pos kepada pengundi Sabah yang berada di luar Sabah seperti di Sarawak atau Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, sebarang penambahbaikan hanya boleh dilakukan jika dan apabila ketelusan proses pemilihan dapat dikekalkan. SPR akan terus berusaha memperbaiki proses pengundian pos, selain daripada meneroka pilihan alternatif untuk PLK. SPR memberi perhatian yang sewajarnya di bawah pelan penambahbaikan dengan sebuah Jawatankuasa yang dibentuk khusus untuk mengkaji isu ini. Ini adalah satu proses yang tidak boleh tergesa-gesa dan apa-apa penambahbaikan mesti dilakukan dengan berhati-hati.
3. Berhubung dengan pemberhentian sementara perkhidmatan mel dan bungkusan antarabangsa serta Perkhidmatan Mel Ekspres (EMS)

Pos Malaysia ke semua destinasi antarabangsa kecuali Singapura sejak 3 Ogos lalu, SPR melalui Pos Malaysia akan menggunakan khidmat kurier antarabangsa bagi penghantaran sampul undi pos luar negara untuk pilihan raya kali ini.

Sekian, terima kasih.

**DR. AZMI SHAROM**

Timbalan Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 15 Ogos 2020 / 25 Zulhijjah 1441H